

02/04/2002

Kementerian digesa perjelas asas pelaburan Tabung Haji

Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Kewangan diminta menjelaskan asas pelaburan Tabung Haji dalam aktiviti tukaran mata wang yang disifatkan pelaburan berisiko tinggi seperti tukaran asing kerana bidang itu di luar `hukum alam semula jadi' agensi berkenaan.

Datuk Husni Hanadzlah (BN-Tambun), berkata pembabitan agensi itu dalam aktiviti sedemikian secara terang bertentangan dasar pelaburan konservatif yang dihadkan kepada agensi kerajaan seperti perumahan, peladangan dan perdagangan.

"Mengikut hukum alam semula jadi, setiap individu mempunyai had di mana beliau boleh menjalankan kemampuan dan bagi Tabung Haji, saya percaya individu terbabit baik ahli lembaga pengarah mahupun pihak pengurusan mempunyai had berasaskan kepada hukum itu.

"Apabila Tabung Haji terbabit dalam pelaburan tukaran wang, ini sudah terkeluar dari had hukum alam dan ia pastinya memerlukan satu analisis mendalam," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2001 dan 2002) 2002 di Dewan Rakyat, hari ini.

Sehubungan itu, Husni meminta Kementerian Kewangan memberi penjelasan bagaimana keputusan dibuat bagi membolehkan Tabung Haji terbabit dalam bidang di luar jangkauan individu terbabit.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi melihat sejauh mana masalah pengurusan agensi itu dan dapat memberi gambaran keseluruhan ruang rangka pemikiran pengurusan Tabung Haji.

Pada masa sama, Husni berharap Kementerian Kewangan mengkaji kertas pelaburan yang dikemukakan pembuat keputusan agensi itu dan kepada siapa kertas berkenaan diserahkan.

"Saya membangkitkan perkara ini kerana kadangkala terdapat kementerian, badan berkanun dan agensi kerajaan membuat keputusan bukan berasaskan penyelidikan mendalam.

"Kadang-kadang pelaburan yang nak dibuat begitu kritikal tetapi kertas kerja hanya dua tiga muka saja. Itu yang kita ingin tahu," katanya.

Di samping itu, beliau turut mempersoalkan bilakah keputusan melabur dalam aktiviti tukaran mata wang diputuskan.

Ini kerana, katanya, keputusan yang dibuat selepas krisis ekonomi akan menggambarkan prinsip pengurusan Tabung Haji yang berlawanan inspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu keras menentang spekulasi mata wang.

Husni turut melahirkan kebimbangan terhadap perkembangan sektor swasta di negara ini yang dikatakan terlalu bergantung kepada kerajaan apabila mengalami kegagalan.

Beliau mengakui pengambil alihan sesuatu projek penswastaan yang gagal oleh kerajaan turut berlaku di lain-lain negara seperti United Kingdom tetapi kebimbangannya lebih tertumpu kepada cara hidup `kaptan' dalam industri swasta.

Malah, katanya, hasil pemerhatiannya mendapati ramai kaptan industri swasta yang sibuk bermain golf dalam keadaan ekonomi yang gawat dan pergi ke luar negara setiap tahun.

Husni juga berkata, beliau pernah mengunjungi sebuah syarikat swasta yang kini diletakkan di bawah Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) di mana pejabat kaptennya setaraf hotel tujuh bintang.

(END)